

AS tangguh laksana tarif 90 hari legakan Malaysia

Putrajaya: Penangguhan pelaksanaan tarif selama 90 hari oleh Amerika Syarikat (AS) seperti diumumkan Presiden Donald Trump, memberi kelegaan sementara kepada Malaysia, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Malaysia terbabit (dalam penangguhan), melegakan sebentar,” kata Perdana Menteri ketika ditemui pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), di sini, semalam.

Malaysia antara 75 negara diberi penangguhan itu oleh pentadbiran Trump yang dalam langkah terbaharunya, mengumumkan pengurangan kadar tarif timbal balas ke atas import daripada kebanyakan rakan dagang AS kepada 10 peratus selama 90 hari untuk memberi ruang kepada rundingan.

Presiden AS itu membuat pengumuman berkenaan beberapa jam selepas barang dari hampir 90 negara dikenakan tarif timbal balik yang lebih ketat. Bagaimanapun, Trump mengenakan lebih banyak cukai ke atas China dalam apa yang kini menjadi konfrontasi berskala penuh di antara dua ekonomi terbesar dunia.

Sementara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dalam hantaran di Facebook semalam, berkata Malaysia mengalu-alukan langkah AS menanggukkan tarif lebih tinggi ke atas banyak rakan dagangnya.

Mengakui ketidaktentuan ketika ini mewujudkan cabaran besar terhadap ekonomi ASEAN, beliau menekankan, tiada yang pasti mengenai tarif diputuskan pentadbiran Trump itu, selain

ketidaktentuan.

Tengku Zafrul juga memaklumkan, Malaysia membincangkan ketidaktentuan dan perubahan terkini dasar tarif AS pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN, di sini.

“Saya mengalu-alukan langkah ini, pada masa sama, kita perlu mengakui ketidaktentuan ini menimbulkan persoalan tentang hala tuju perdagangan global dan impaknya kepada ASEAN

“Malaysia sedang giat menilai implikasi perubahan ini dan kekal komited bekerjasama dengan rakan ASEAN dalam mengurangkan gangguan, memperkuatkan daya tahan ekonomi serantau dan memperjuangkan hubungan perdagangan yang seimbang serta stabil,” katanya.

Beliau menegaskan, perpaduan ASEAN dan integrasi ekono-

mi serantau menjadi lebih penting berbanding sebelum ini dan Malaysia mengalu-alukan sokongan daripada rakan serantau yang berkongsi visi sama dan mahu melihat rantau ini berjaya.

Tegasnya lagi, Malaysia sentiasa dan terus menjadi rakan perdagangan serta pelaburan terbuka kepada semua negara, termasuk China dan AS, selain komited mencari penyelesaian saling menguntungkan dalam isu perdagangan dengan AS.

Di Beijing, *BERNAMA-Xinhua* melaporkan, Menteri Perdagangan China, Wang Wentao mengadakan perbincangan melalui pautan video dengan Tengku Zafrul, memandangkan Malaysia kini Pengerusi ASEAN, menurut kenyataan Kementerian Perdagangan China, semalam.

Agensi berita *Xinhua* melapor-

kan, kedua-dua pihak mengadakan perbincangan secara mendalam dan terbuka berhubung pengukuhan kerjasama ekonomi serta perdagangan antara China dan Malaysia dan China-ASEAN, di samping respons bersama terhadap tarif timbal balik AS.

Wentao berkata, tindakan AS mengenakan tarif sedemikian mengabaikan keseimbangan kepentingan yang dicapai dengan susah payah melalui rundingan perdagangan pelbagai hala selama bertahun-tahun.

“Malah, AS sudah lama menikmati manfaat besar daripada perdagangan global,” katanya menyifatkan tindakan AS itu satu bentuk penindasan unilateral yang jelas, menjejaskan hak dan kepentingan sah negara lain, termasuk China dan negara anggota ASEAN.